



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

**MAJLIS JALINAN KASIH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT BERSAMA-SAMA  
KUMPULAN SASAR TAHUN 2023**

**15 MEI 2023 (ISNIN)  
12.00pm**

## **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

### **SALUTASI**

**(i) YB Hajah Aiman Athirah binti Sabu**

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan  
Masyarakat

**(ii) YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff**

Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

**(iii) YBrs. Puan Farah Adura binti Hamidi**

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

**(iv) YBrs. Encik Chua Choon Hwa**

Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

**(v) YBrs. Encik Norazman bin Othman**

Ketua Pengarah

Jabatan Kebajikan Masyarakat

**(vi) YBrs. Dr. Wan Nur Ibtisam binti Wan Ismail**

Ketua Pengarah

Jabatan Pembangunan Wanita

**(vii) YBrs. Tn. Hj. Abdul Syukur bin Abdullah**

Ketua Pengarah

Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara

**(viii) YBrs. Dr Faridah binti Awang**

Pengarah

Institut Sosial Malaysia

**(ix) YBrs. Puan Nordina binti Haron**

Ketua Pegawai Eksekutif

Yayasan Kebajikan Negara

**(x)** Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Unit, puan-puan dan tuan-tuan yang saya hormati sekalian.

## **(A) PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah swt, dengan limpah izin serta kurnia-Nya, kita diberi nikmat untuk bertemu di sini dalam Majlis Jalinan Kasih Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Bersama-Sama Kumpulan Sasar Tahun 2023.
2. Terima kasih juga saya ucapkan atas kesudian semua tetamu yang melapangkan masa bagi menghadiri Majlis Sambutan Aidilfitri hari ini. Sesungguhnya, sambutan Aidilfitri akan lebih bermakna apabila kita dapat meraikan bersama yang tersayang.
3. Besar harapan saya agar Majlis Jalinan Kasih ini akan membuka ruang yang luas untuk kita memupuk nilai-nilai keprihatinan, hormat, kasih sayang serta berkongsi kemeriahan dan keriangannya bersama mereka yang memerlukan.
4. Sepertimana Kerajaan Perpaduan pada hari ini telah meletakkan kepentingan dan keutamaan terhadap usaha-usaha untuk meringankan beban hidup masyarakat khususnya kumpulan sasaran terutamanya setelah negara mengharungi pelbagai cabaran akibat pandemik COVID-19 yang kesannya masih terasa khususnya ke atas ekonomi negara.

## **(B) JALINAN KASIH KPWKM BERSAMA KUMPULAN SASAR**

### ***Para Hadirin sekalian,***

5. Di kesempatan ini juga, selain daripada meraikan warga Kementerian sendiri, saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran para tetamu jemputan yang terdiri daripada kumpulan sasaran Kementerian dan rakan-rakan strategik Kementerian yang selama ini memberi sokongan dan kerjasama terhadap Kementerian ini.
6. Sesungguhnya majlis seumpama ini amat bermakna kerana mengumpulkan semua pihak yang bukan sahaja bekerjasama dengan Kementerian ini, tetapi juga mereka yang merupakan kumpulan sasaran kami.
7. Selain itu, tidak terlambat kiranya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Delegasi Malaysia yang diketuai oleh Datuk Dr. Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat atas penganugerahan Ministerial Award berdasarkan pembentangan kertas bertajuk '*Women Empowerment: At Least 30% of Women in Decision Making Position*' di Global Summit of Women di Dubai, UAE pada 5 Mei yang lepas.
8. Pengiktirafan ini diterima negara atas perkongsian amalan terbaik negara dalam usaha-usaha berterusan untuk pemerksaan wanita sebagai pembuat keputusan di pelbagai sektor. Tahniah dan syabas.

### **(C) SAMBUTAN HARI IBU & HARI KELUARGA ANTARABANGSA**

9. Dalam kita meraikan suasana berhari raya hari ini rasanya masih belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Ibu kepada semua wanita yang berada di sini. Pengorbanan, jasa dan perit lelah seorang ibu tidak ternilai harganya dan tidak dapat dibeli dengan wang ringgit atau ditukar ganti.
10. Hari Ibu disambut di seluruh dunia pada Ahad minggu kedua setiap tahun di seluruh dunia. Pada tahun ini, hari tersebut jatuh pada 14 Mei 2023. Hari Ibu disambut dalam kalangan masyarakat Malaysia bagi menghargai peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh para ibu bagi memastikan keluarga kekal sejahtera, terutama dalam menghadapi cabaran masa kini.
11. Pada tahun ini, KPWKM memilih tema "*Ibu, Suri Hatiku*" bagi menghargai peranan ibu dalam membesarkan anak-anak dengan penuh kasih sayang, dan sewajarnya kedudukan para ibu diletakkan sangat istimewa di hati anak-anak dan masyarakat Malaysia dan diingati sepanjang masa.
12. Malah, paling istimewa tahun ini, Hari Ibu 2023 turut diraikan bersama dengan Sambutan Hari Keluarga Antarabangsa yang jatuh pada 15 Mei setiap tahun dan disambut di kebanyakan negara.
13. Justeru, bertepatan dengan sambutan hari-hari berkenaan, KPWKM melalui agensi kami LPPKN telah mengatur beberapa program sempena meraikan sambutan tersebut, antaranya:

- I. **Promosi pakej saringan KASIH Ibu secara percuma** dari 15 hingga 20 Mei 2023 di 49 Klinik Nur Sejahtera LPPKN@outreach;
- II. **Program Raikan Hari Ibu bersama KafeTEEN** iaitu aktiviti advokasi media sosial video kreatif dan tip sempena Hari Ibu oleh para remaja dan Sahabat KafeTEEN;
- III. **Pelancaran hashtag “IniKeluargaSaya”** sebuah kempen bersempena dengan Hari Keluarga Antarabangsa dan juga berdasarkan kempen Keluarga Harmoni, Negara MADANI yang akan berjalan sehingga Bulan Keluarga Kebangsaan pada November nanti.

***Para Hadirin sekalian,***

14. Bersempena majlis kita pada hari ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat Hari Ibu *“Ibu, Suri Hatiku”* kepada semua yang bergelar ibu dan juga Selamat Hari Keluarga Antarabangsa kepada semua warga
15. Dalam kita bergembira hari ini jangalah kita lupa pada yang kurang berkemampuan. Tidak dilupakan wanita, kanak-kanak dan warga emas hari ini diraikan bagi menyemarakkan lagi sikap saling hormat menghormati, dan kasih sayang dalam setiap anggota masyarakat.
16. Saya tidak bercadang mengambil masa yang lama untuk berucap memandangkan juadah di depan mata telah menunggu kita semua.

17. Sebelum saya akhiri ucapan saya, saya mengambil kesempatan ini mewakili keseluruhan pihak pengurusan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran majlis ini.

18. Wabillahittaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

**15 Mei 2023**